

Praktis 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Perdana Menteri telah melancarkan tentang kempen 'Tak Nak' bagi membendung tabiat merokok dalam kalangan rakyat.

salah: _____

betul: _____

- (ii) Novel itu telah habis dibaca oleh saya.

salah: _____

betul: _____

- (iii) Penceramah itu memperkenalkan tentang kaedah belajar yang berkesan kepada murid.

salah: _____

betul: _____

- (iv) Meja itu dialaskan dengan kain yang bercorak.

salah: _____

betul: _____

- (v) Tempat persembunyian penculik itu dikesan berdasarkan pada maklumat yang diberikan oleh orang ramai.

salah: _____

betul: _____

Praktis 3

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Sokongan padu yang ibu bapa berikan merupakan faktor utama kejayaan Balqis dalam pelajaran.

salah: _____

betul: _____

- (ii) Kebanyakan remaja sukar membezakan antara perbuatan yang baik dengan yang buruk.

salah: _____

betul: _____

- (iii) Ibu membawa untuk Haikal dan kawan-kawannya sepinggan pisang goreng sebagai hidangan minum petang.

salah: _____

betul: _____

- (iv) Dinding bangunan itu telah disapukan dengan cat berwarna biru.

salah: _____

betul: _____